

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HST 424 Kertas Khas Dalam Sejarah Indonesia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Belanda menalukki Sumatera Timur pada pertengahan abad 19?
2. "Dasar ekonomi Belanda telah membekukan masyarakat asli Sumatera Timur tetapi memajukan kaum pendatang dalam berbagai bidang." (Tengku Nikmatullah). Setujukah anda.
3. "Perpecahan dikalangan masyarakat asli sudah lama didapati dan dasar Belanda hanya disesuaikan dengan keadaan sosial ini." (Arif Lubis). Bincangkan.
4. "Keruntuhan masyarakat asli di Sumatera Timur bermula dengan Pendudukan Jepun pada 1942." (Tengku Luckman Sinar). Setujukah anda?
5. Apakah reaksi masyarakat Sumatera Timur tentang pengisytiharan kemerdekaan Indonesia?
6. Bincangkan kesan revolusi sosial Mac 1946 terhadap susunan politik dan sosial di Sumatera Timur.

7. "Penubuhan Negara Sumatera Timur pada Disember 1947 merupakan suatu usaha Belanda untuk memberi peluang kepada masyarakat asli mewujudkan suatu struktur politik dan ekonomi untuk kepentingan mereka." (van Mook). Bincangkan.
8. Huraikan faktor-faktor yang membawa kepada pembubaran Negara Sumatera Timur pada 17 Ogos 1950.

-000000000-